

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN BAGI PEMBINAAN,
PENGUBAHAN ATAU PENUTUPAN KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA
PEPEJAL YANG DITETAPKAN.**

1.0 PENGENALAN

Garis panduan berikut bertujuan memberi panduan bagi permohonan kelulusan pembinaan, perubahan atau penutupan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Yang Ditetapkan dan Kelulusan Bagi Pembinaan, Perubahan dan Penutupan Kemudahan) 2011.

KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG DITETAPKAN

“Kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan” adalah seperti berikut:

- (a) kemudahan bahan api terbitan sampah;
- (b) kemudahan biogas;
- (c) kemudahan pengomposan komunal atau komersil;
- (d) kemudahan mendapatkan semula bahan;
- (e) loji pengolahan haba;
- (f) stesen pemindahan;
- (g) tambak tanah lengai;
- (h) tambak tanah kebersihan; dan
- (i) tapak pelupusan.

2.0 PIHAK YANG BOLEH MEMOHON

2.1 Pemohonan adalah terbuka kepada mana-mana syarikat (ROC dan ROB), pertubuhan (ROS), koperasi, agensi kerajaan serta badan berkanun yang berhasrat untuk mendapatkan kelulusan membina, mengubah atau menutup suatu kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan di negeri-negeri dan wilayah berikut:

- (a) Johor;
- (b) Melaka;
- (c) Negeri Sembilan;
- (d) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (e) Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (f) Wilayah Persekutuan Labuan;
- (g) Pahang;
- (h) Kedah; dan
- (i) Perlis.

2.2 Permohonan kelulusan pembinaan, pengubahan atau penutupan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan di negeri Perak, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang dan Selangor hanya boleh dibuat sebaik sahaja tarikh penguatkuasaan bagi negeri-negeri tersebut diumumkan Ketua Pengarah Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

3.0 TARIKH PERMOHONAN DIBUKA

3.1 Permohonan kelulusan pembinaan, pengubahan atau penutupan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan dibuka mulai 1 September 2011.

4.0 PROSES PERMOHONAN LESEN

4.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang **JPSPN/2013/SUBPERATURAN4(1)/6(1)** yang boleh dimuat turun dari laman web Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) atau Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA). Borang permohonan yang telah lengkap beserta dokumen sokongan hendaklah dikemukakan ke ibu pejabat Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) yang beralamat seperti berikut:

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
Bahagian Pelesenan
Wisma UOA Pantai, Tingkat 4
No. 11, Jalan Pantai Jaya (Jalan 4/83A),
59200 Kuala Lumpur.

4.2 Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan melalui surat dan emel.

5.0 DOKUMEN SOKONGAN

5.1 Dokumen sokongan yang dikemukakan hendaklah **sama** dan **sepadan** dengan maklumat yang dinyatakan dalam borang permohonan.

5.2 Dua (2) salinan dokumen sokongan perlu disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Pengurusan dan Profesional di pejabat negeri / cawangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).

5.3 Kesemua salinan dokumen sokongan yang telah disahkan dan resit bayaran hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat PPSPPA di Kuala Lumpur.

5.4 Salinan-salinan dokumen sokongan yang perlu dikemukakan bagi **permohonan kelulusan membina atau mengubah kemudahan yang ditetapkan** adalah seperti berikut :-

- a. profil syarikat;
- b. penyata kewangan yang telah diaudit bagi 2 tahun terakhir;
- c. bukti kemudahan pinjaman yang diperolehi;
- d. surat kelulusan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (sekiranya projek berteraskan kerjasama awam swasta);
- e. Sijil Pendaftaran Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- f. geran tanah lokasi cadangan;
- g. kebenaran bertulis tuan tanah (sekiranya pemohon bukan tuan tanah);
- h. spesifikasi terperinci teknologi dan proses pengurusan sisa pepejal yang dicadangkan;

- i. salinan gambarajah aliran proses teknikal;
- j. Maklumat mengenai rekabentuk terperinci (lukisan terperinci, pengiraan terperinci, kos penyenggaraan, anggaran kos operasi, jadual penyenggaraan)
- k. perincian kemudahan pengurusan sisa pepejal yang lain yang disediakan bagi keadaan luar jangka;
- l. surat keizinan daripada pihak berkuasa berkaitan (seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dll.);
- m. cadangan tarikh permulaan bagi pembinaan atau perubahan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan;
- n. cadangan tarikh pengoperasian kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan;
- o. pelan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan dengan peta yang menunjukkan lokasi dan persekitaran;
- p. lukisan yang menunjukkan penempatan dan susun atur bangunan dan pemasangan;
- q. pelan tapak bagi keseluruhan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan;
- r. pelan terperinci cadangan penutupan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan;
- s. kos anggaran penutupan bagi kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan;
- t. maklumat jangkaan jumlah dan komposisi sisa pepejal terkawal yang akan diterima dari kawasan skim yang dirancang;
- u. maklumat tentang kesan pembinaan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan terhadap alam sekitar, kualiti dan tahap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal serta kesan terhadap kesihatan awam (pembinaan baru);
- v. maklumat mengenai kesan perubahan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan terhadap prestasi kemudahan, alam sekitar, kualiti dan tahap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal, kesihatan awam serta perancangan keseluruhan pengurusan sisa pepejal;

- w. model kewangan projek;
- x. Surat kelulusan teknologi oleh Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan (JPTPSPK); dan
- y. Surat Kelulusan Penilaian Alam Sekitar Terperinci (DEIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

5.5 Salinan dokumen sokongan yang perlu dikemukakan bagi **permohonan kelulusan penutupan kemudahan sisa pepejal yang ditetapkan** adalah seperti berikut :-

- a. profil syarikat;
- b. penyata kewangan yang telah diaudit bagi 2 tahun terakhir
- c. bukti kemudahan pinjaman yang diperolehi;
- d. sijil Pendaftaran Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- e. geran tanah lokasi cadangan;
- f. kebenaran bertulis tuan tanah (sekiranya pemohon bukan tuan tanah);
- g. maklumat terperinci tentang kaedah dan proses penutupan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan;
- h. maklumat terperinci pengurusan sisa pepejal binaan (jika berkenaan);
- i. maklumat terperinci pelan keselamatan penutupan kemudahan;
- j. maklumat terperinci kos penutupan bagi kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan;
- k. surat keizinan daripada pihak berkuasa berkaitan (seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dll.) (jika berkenaan);
- l. Kebenaran bertulis daripada pemilik kemudahan (jika berkenaan);
- m. cadangan tarikh penutupan kemudahan sisa pepejal yang ditetapkan;
- n. pelan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan dengan peta yang menunjukkan lokasi dan persekitaran;
- o. lukisan yang menunjukkan penempatan dan susun atur bangunan dan pemasangan;
- p. pelan tapak bagi keseluruhan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan;

- q. maklumat mengenai kesan penutupan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan terhadap alam sekitar, kualiti dan tahap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal terhadap kawasan yang sedang menerima perkhidmatan, kesihatan awam serta perancangan keseluruhan pengurusan sisa pepejal;
- r. perancangan pembangunan selepas penutupan; dan
- s. model kewangan projek.

6.0 YURAN PEMROSESAN

- 6.1 Permohonan lengkap akan diproses selepas **YURAN PEMROSESAN** sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** diterima oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).
- 6.2 Bayaran yuran pemprosesan boleh dibuat di kaunter Ibu Pejabat PPSPPA secara tunai, cek atau bank draf atas nama **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)**.

7.0 PERINGATAN

- 7.1 Permohonan lengkap dengan resit bayaran yuran pemprosesan hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).
- 7.2 dokumen sokongan yang dikemukakan hendaklah **BETUL dan SEPADAN** dengan maklumat yang dinyatakan dalam borang permohonan.
- 7.3 Permohonan akan **DITOLAK** jika didapati dokumen sokongan yang dikemukakan adalah palsu, tidak betul atau tidak sepadan dengan maklumat di dalam borang permohonan.
- 7.4 PPSPPA boleh meminta maklumat-maklumat tambahan sekiranya perlu.

8.0 LAIN-LAIN

8.1 Sebarang pertanyaan bolehlah diajukan kepada:

Bahagian One Stop Centre (OSC) dan Fasiliti
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Bahagian Pelesenan, Wisma UOA Pantai
Tingkat Mezzanine 2,3 dan 4,
No. 11, Jalan Pantai Jaya (Jalan 4/83A),
59200 Kuala Lumpur
No. Tel : 03 - 2245 9292
No. Faks : 03 - 2245 9293
Email : ppsppa@sisa.my

**SENARAI SEMAK UNTUK PERMOHONAN KELULUSAN MEMBINA DAN
MENGUBAH KEMUDAHAN SISA PEPEJAL YANG DITETAPKAN**

**AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007
(AKTA 672)**

BIL.	PERKARA	SILA TANDA (/)	CATATAN
A	Salinan Resit Pembayaran Yuran Pemprosesan Permohonan Kelulusan		
B	Dua salinan Dokumen Sokongan seperti berikut :		
	1. Profil syarikat		
	2. Penyata kewangan yang telah diaudit bagi 2 tahun terakhir		
	3. Bukti kemudahan pinjaman yang diperolehi		
	4. Surat kelulusan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (sekiranya projek berteraskan kerjasama awam swasta)		
	5. Sijil Pendaftaran Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia		
	6. Geran tanah lokasi cadangan		
	7. Kebenaran bertulis tuan tanah (sekiranya pemohon bukan tuan tanah)		
	8. Spesifikasi terperinci teknologi dan proses pengurusan sisa pepejal yang dicadangkan		
	9. Salinan gambarajah aliran proses teknikal		
	10. Maklumat mengenai rekabentuk terperinci (lukisan terperinci, pengiraan terperinci, kos penyenggaraan, anggaran kos operasi, jadual penyenggaraan)		
	11. Perincian kemudahan pengurusan sisa pepejal yang lain yang disediakan bagi keadaan luar jangka		
	12. Surat keizinan daripada pihak berkuasa berkaitan (seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dll.)		
	13. Cadangan tarikh permulaan bagi pembinaan atau pengubahan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan		
	14. Cadangan tarikh pengoperasian kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan		

BIL.	PERKARA	SILA TANDA (/)	CATATAN
15.	Pelan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan dengan peta yang menunjukkan lokasi dan persekitaran		
16.	Lukisan yang menunjukkan penempatan dan susun atur bangunan dan pemasangan		
17.	Pelan tapak bagi keseluruhan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan		
18.	Pelan terperinci cadangan penutupan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan		
19.	Kos anggaran penutupan bagi kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan		
20.	Maklumat jangkaan jumlah dan komposisi sisa pepejal terkawal yang akan diterima dari kawasan skim yang dirancang		
21.	Maklumat tentang kesan pembinaan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan terhadap alam sekitar, kualiti dan tahap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal serta kesan terhadap kesihatan awam (pembinaan baru)		
22.	Maklumat mengenai kesan pengubahan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan terhadap prestasi kemudahan, alam sekitar, kualiti dan tahap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal, kesihatan awam serta perancangan keseluruhan pengurusan sisa pepejal		
23.	Model kewangan projek		
24.	Surat kelulusan teknologi oleh Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan (JPTPSPK)		
25.	Surat Kelulusan Penilaian Alam Sekitar Terperinci (DEIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS)		

Tarikh :

Tandatangan :
pemohon ()

BIL.	PERKARA	SILA TANDA (/)	CATATAN
<u>Peringatan</u>			
<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="140 387 1469 495">* Salinan dokumen sokongan hendaklah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pengarah / Pegawai Pengurusan dan Profesional PPSPPA Negeri atau Pengurus Cawangan PPSPPA. <li data-bbox="140 528 1469 600">* Permohonan lengkap dengan resit bayaran Yuran pemprosesan dan dokumen sokongan hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat PPSPPA di Kuala Lumpur. 			

**SENARAI SEMAK UNTUK PERMOHONAN PERMIT PENUTUPAN KEMUDAHAN
SISA PEPEJAL YANG DITETAPKAN**

**AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007
(AKTA 672)**

BIL.	PERKARA	SILA TANDA (/)	CATATAN
A	Salinan Resit Pembayaran Yuran Pemprosesan Permohonan Penutupan		
B	Dua salinan Dokumen Sokongan seperti berikut :		
	1. Profil syarikat		
	2. Penyata kewangan yang telah diaudit bagi 2 tahun terakhir		
	3. Bukti kemudahan pinjaman yang diperolehi		
	4. Sijil Pendaftaran Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia		
	5. Geran tanah lokasi cadangan		
	6. Kebenaran bertulis tuan tanah (sekiranya pemohon bukan tuan tanah)		
	7. Maklumat terperinci tentang kaedah dan proses penutupan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan		
	8. Maklumat terperinci pengurusan sisa pepejal binaan (jika berkenaan)		
	9. Maklumat terperinci pelan keselamatan penutupan kemudahan		
	10. Maklumat terperinci kos penutupan bagi kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan		
	11. Surat keizinan daripada pihak berkuasa berkaitan (seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dll.) (jika berkenaan)		
	12. Kebenaran bertulis daripada pemilik kemudahan (jika berkenaan)		
	13. Cadangan tarikh penutupan kemudahan sisa pepejal yang ditetapkan		
	14. Pelan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan dengan peta yang menunjukkan lokasi dan		

BIL.	PERKARA	SILA TANDA (/)	CATATAN
	persekitaran		
15.	Lukisan yang menunjukkan penempatan dan susun atur bangunan dan pemasangan		
16.	Pelan tapak bagi keseluruhan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan		
17.	Maklumat mengenai kesan penutupan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan terhadap alam sekitar, kualiti dan tahap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal terhadap kawasan yang sedang menerima perkhidmatan, kesihatan awam serta perancangan keseluruhan pengurusan sisa pepejal		
18.	Perancangan pembangunan selepas penutupan		
19.	Model kewangan projek		

Tarikh :

Tandatangan :
pemohon ()

Peringatan

- * Salinan dokumen sokongan hendaklah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pengarah / Pegawai Pengurusan dan Profesional PPSPPA Negeri atau Pengurus Cawangan PPSPPA.
- * Permohonan lengkap dengan resit bayaran yuran pemprosesan dan dokumen sokongan hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat PPSPPA di Kuala Lumpur.